

**Tarikh Dibaca: 20 Mei 2016**

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

**“BAHAGIAKANLAH IBU DAN  
AYAHMU”**

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal** (Timbalan Pengerusi)  
**Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)  
**Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)  
**Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



## "BAHAGIAKANLAH IBU DAN AYAHMU"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّي وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي  
وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ<sup>1</sup>

أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> Surah Luqman ayat 14.



### Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya kebahagiaan dunia dan akhirat merupakan milik manusia yang bertakwa dan kecelakaan serta kerugian pula adalah milik manusia yang menderhakakan Allah. Oleh itu, marilah kita bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya.

Khatib pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **"BAHAGIAKANLAH IBU DAN AYAHMU"**.

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Ayat yang dibaca pada permulaan khutbah ini iaitu Surah Luqman ayat 14 yang bermaksud:

*"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah (dari awal mengandung hingga akhir susuannya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu serta kepada Aku juga tempat kembali".*

Berdasarkan ayat ini, Allah telah mewajibkan kepada semua manusia untuk mengasihi dan membala jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan penuh kasih sayang kerana sesungguhnya jasa dan pengorbanan mereka sungguh tidak terkira. Namun kini, jika kita perhatikan di dada-dada akhbar, berita mengenai anak derhaka, anak mengusir ibu, anak mengacu pisau ke arah ibu, menjadi satu fenomena biasa. Benarlah, antara salah satu tanda kiamat ialah ramainya golongan manusia yang menjadi anak derhaka. Di manakah rasa hormat dan belas kasihan pada ibu bapa yang sanggup



bergadai nyawa demi anak-anak? Betapa luluhnya hati seorang ibu apabila diperlakukan sedemikian rupa oleh anak kandungnya sendiri. Moga-moga kita tidak tergolong dalam golongan tersebut.

### **Hadirin yang dikasihi sekalian,**

Marilah sama-sama kita membuka mata ahli keluarga kita dan masyarakat supaya mengasihi kedua-dua ibu bapa, renungilah setiap pengorbanan serta titisan peluh ibu bapa yang mengalir untuk menjaga kita sejak kecil hingga dewasa. Insan yang tersayang yang bergelar ibu, merupakan insan yang mengandungkan kita, melahirkan serta membesarluaskan serta mendidik kita hingga menjadi dewasa. Begitu juga dengan seorang ayah, yang merupakan insan yang sedikit pun tidak mengeluh walaupun penat bekerja mencari rezeki demi menyara kehidupan keluarga. Betapa besarnya pengorbanan mereka kepada kita.

Dalam melayari kehidupan ini, tanpa mereka berdua siapalah kita. Tanpa ibu bapa, tidak mungkin kita dapat melihat dunia ini. Maka, tanyalah diri kita, wajarkah kita melukakan hati mereka? Wajarkah kita membiarkan mereka begitu sahaja menghabiskan hari-hari tua mereka? Oleh sebab itu, Allah telah memerintahkan kita supaya mensyukurinya dengan menghargai pengorbanan ibubapa.

### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Mintaati ibu bapa dan berbuat baik kepada mereka adalah sebesar-besarnya kebajikan yang menghampirkan seorang hamba kepada penciptaNya. Sikap ini akan menambahkan lagi kasih sayang terhadap mereka. Benar, ibu bapa tidak mengharapkan balasan wang ringgit serta kemewahan daripada anak-anak mereka, sebaliknya mereka hanya mengharapkan perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak sahaja. Apabila sempurnanya kasih



sayang serta perhatian dalam keluarga, akhirnya akan terbinanya masyarakat yang soleh, penuh kasih sayang dan hormat menghormati antara satu dengan yang lain.

Hadis daripada al-Miqdam Bin Ma'di Karib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ اللَّهَ يُوصِيكُمْ بِأَمْهَاتِكُمْ ثَلَاثَةً، إِنَّ اللَّهَ  
يُوصِيكُمْ بِآبَائِكُمْ، إِنَّ اللَّهَ يُوصِيكُمْ بِالْأَقْرَبِ  
فَالْأَقْرَبُ

"Sesungguhnya Allah berwasiat kepada kamu (untuk berbakti) dengan ibu-ibumu (diulang tiga kali), sesungguhnya Allah berwasiat kepada kamu (untuk berbakti) kepada bapa-bapa kamu, sesungguhnya Allah berwasiat kepada kamu (untuk berlaku baik) kepada keluarga yang terdekat, maka utamakanlah yang lebih dekat".

(Riwayat Ibnu Majah).

Berdasarkan hadis ini, jelas menunjukkan kepada kita bahawa orang yang paling utama untuk kita taati, berbakti dan berbuat baik ialah ibu kita. Setelah itu, berlaku baik kepada ayah kita dan seterusnya ialah ahli keluarga kita yang terdekat. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi, ibulah insan yang paling banyak berkorban dan bersusah payah untuk memberikan yang terbaik untuk kita, ibulah yang mempertaruhkan nyawanya untuk melahirkan kita, menderita dan bersusah payah membesarkan kita.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**



Dalam sebuah hadis daripada Abu Umamah RA bahawa Rasulullah SAW pernah ditanya oleh para sahabat yang bermaksud;

*"Apakah tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapanya?" sabda baginda SAW; Mereka berdua adalah syurgamu ataupun nerakamu".*

*(Riwayat Ibnu Majah).*

Hadis ini menjelaskan kepada kita akan tanggungjawab yang perlu kita galas dan laksanakan terhadap ibu bapa. Hal ini kerana sikap kita terhadap ibu bapa merupakan penyebab sama ada, syurgakah atau neraka tempat kembalinya kita.

Dalam memperkatakan hal ini, hadis daripada Muawiyah Bin Jahimah as-Sulami RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

*فَالْزَّمْهَا فِإِنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ رِجْلِيهَا.*

*"Lazimilah (mentaati dan berbakti) kepada ibu kamu kerana syurga itu di bawah tapak kakinya"*

*(Riwayat An-Nasaie).*

### **Hadirin yang berbahagia sekalian,**

Benar, setiap perbuatan itu ada balasannya. Allah telah menjanjikan kebaikan yang tidak terkira terhadap ketaatan dan amal bakti yang dicurahkan oleh seorang anak kepada ibu bapanya. Antaranya,

**Pertama;** Mentaati ibu bapa, dapat menambahkan umur dan meluaskan rezeki.



Hadis daripada Anas Bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang suka bahawa dilanjutkan usianya dan ditambah rezekinya hendaklah ia berbakti kepada kedua-dua ibu bapanya dan menyambungkan kasih sayangnya (iaitu terhadap mereka)".*

(Riwayat Imam Ahmad).

**Kedua;** Berbakti kepada ibu bapa menghapuskan dosa.

*Hadis daripada Ibnu Umar RA menceritakan bahawa seorang lelaki telah datang mengadap Rasulullah SAW lalu berkata, "wahai Rasulullah!, bolehkah aku bertaubat?" maka baginda bersabda, "adakah kamu mempunyai ibu?" Jawab lelaki itu, "tiada". Lalu, baginda bertanya lagi, "adakah kamu mempunyai ibu saudara perempuan?" jawabnya, "ya!". Sabda baginda "berbaktiilah kepadanya".*

(Riwayat at-Tirmizi).

Oleh yang demikian, amat jelas sekali, betapa pentingnya berbakti kepada ibu bapa, meskipun kepada saudara ibu bapa. Hal ini kerana dengan berbakti, seorang anak dapat menghapuskan dosa-dosa besar.

**Ketiga;** Berbakti kepada ibu bapa menjamin masuk syurga.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Celakalah dia, celakalah dia, celakalah dia.". Lalu baginda ditanya: "Siapa ya Rasulullah?" jawab Rasulullah SAW, "Sesiapa yang mendapatkan kedua orang tuanya (dalam usia lanjut), atau salah seorang daripada keduanya, tetapi dia tidak berusaha masuk syurga (dengan memelihara orang tuanya sebaik-baiknya).*



(**Hadis Riwayat Muslim**).

### **Hadirin Jumaat yang dihormati sekalian,**

Islam amat menitikberatkan tentang syariat berbakti kepada ibu bapa melebihi segala-galanya sehingga ia mestilah didahulukan daripada jihad di jalan Allah.

Hadis daripada Abdullah B. Amru RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

*"Seorang lelaki datang kepada Nabi SAW dan meminta izin untuk turut serta dalam berjihad. Nabi SAW bertanya kepadanya: "Apakah kedua orang tuamu masih hidup?" lelaki tersebut menjawab "ya, mereka masih hidup". Baginda SAW bersabda, "Berbakti kepada keduanya adalah jihad".*

(**Riwayat Imam Muslim**).

### **Muslimin yang berbahagia,**

Menelusuri khutbah pada hari ini, maka kita sebagai umat Islam hendaklah;

1. Mentaati dan mematuhi kedua ibubapa melebihi segala-galanya selagi mana mereka tidak menderhakai Allah SWT.
2. Mengutamakan kasih saying terhadap ibubapa dengan menghormati dan membala jasa mereka.
3. Umat Islam dilarang menyakiti hati ibubapa kerana balasannya adalah neraka Allah SWT.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا  
إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحْدُهُمَا أَوْ كِلَّهُمَا فَلَا تَقُولْ  
هُمَا أَفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا



"Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada kedua-duanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ah", dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)".

(Surah al-Isra' : 23).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،  
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَى عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَّاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ ،  
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ .

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا عَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul  
04.05.2016